

# REKA BENTUK PENILAIAN ALTERNATIF DALAM TALIAN BAGI KURSUS-KURSUS MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) BAGI UNIVERSITI AWAM (UA)

NUR DINI HAZRI\*

ANUAR MOHD YUSOF\*\*

ZUR' AIN WARDAH RIZALIMAN\*\*\*

dini.hzr94@gmail.com\* anuarmy@umk.edu.my\*\*(Penulis Koresponden),  
wardahrizaliman@gmail.com\*\*\*

## Abstrak

Pada masa kini, inovasi untuk alat bantu mengajar adalah keperluan penting untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat berjalan dengan lancar. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti penilaian alternatif dalam talian bagi kursus *Massive Open Online Course* (MOOC) di universiti awam yang berdaftar di MOOC Malaysia. Hal ini adalah untuk mengetahui penilaian dalam talian yang digunakan dalam platform *OpenLearning* bagi universiti awam terpilih berdasarkan daripada tiga kategori universiti di Malaysia. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) sangat penting bagi memastikan pensyarah menyampaikan pembelajaran yang berkualiti. Oleh itu, pelajar mudah memahami proses pengajaran yang sedang berlaku. Malah, alat dalam talian ini sangat penting untuk membantu pensyarah dan pelajar dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta memupuk semangat dan meningkatkan minat pelajar untuk belajar dengan lebih tekun. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisa dokumen iaitu penyelidik memperoleh maklumat dan bahan dari laman sesawang dan internet dengan mengikuti kursus-kursus MOOC di platform *OpenLearning* setiap universiti. Sebanyak Sembilan (9) universiti awam terlibat dalam mendapatkan maklumat dan bahan yang berkaitan dengan penilaian alternatif yang digunakan bagi setiap kursus MOOC. Disamping itu, hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan penilaian alternatif dapat membantu pelajar memahami kursus yang dipelajari dengan baik dan boleh menjadi alternatif untuk mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan platform dalam talian.

**Kata Kunci:** *Massive Open Online Course, OpenLearning, Penilaian Alternatif*

Dihantar : 29 Jun 2021

Disemak : 17 Ogos 2021

Diterbit : 31 Mac 2022

---

\* Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.

\*\* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.

\*\*\* Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.



# ALTERNATIVE ONLINE ASSESSMENT DESIGN FOR COURSES MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) FOR PUBLIC UNIVERSITIES

NUR DINI HAZRI\*

ANUAR MOHD YUSOF\*\*

ZUR' AIN WARDAH RIZALIMAN\*\*\*

dini.hzr94@gmail.com\*, anuarmy@umk.edu.my\*\* (Corresponding Author),  
wardahrizaliman@gmail.com\*\*\*

## Abstract

Nowadays, innovation for teaching aids is an important requirement to ensure the teaching and learning (PdP) process can run smoothly. This paper aims to identify online alternative assessments for Massive Open Online Course (MOOC) courses in public university that registered in MOOC Malaysia. This study is to identify online assessments used in the Open Learning platform for selected public universities based on three categories of universities in Malaysia. Teaching and learning (PdP) methods are essential to ensure that lecturers deliver quality learning, so students are easy to understand the teaching process that is taking place. Therefore, these online tools are very important to help lecturers and students in improving the quality of teaching and learning (PdP) as well as to inculcate the spirit and enhance students' interest in learning more diligently. This study uses a qualitative approach through document analysis where the researcher obtains information and materials from the website and internet by following the MOOC courses on the OpenLearning platform of each university. A total of 9 public universities were involved in obtaining information and materials related to alternative assessment used in each MOOC course. In addition, the findings show that the implementation of alternative assessment can help students understand a well-learned course and can be an alternative to diversify teaching and learning activities using online platforms.

**Keywords:** Alternative Assessment, Massive Open Online Course, OpenLearning

Submitted : 29 June 2021

Revised : 17 August 2021

Published : 31 March 2022

---

\* Postgraduate Student at Faculty of Creative Technology and Heritage, University Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.

\*\* Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, University Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.

\*\*\* Postgraduate Student at Faculty of Creative Technology and Heritage, University Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.



## 1.0 Pengenalan

Pada masa kini, penggunaan *Massive Open Online Course* (MOOC) dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bukan lagi menjadi sesuatu yang asing di dalam teknologi pendidikan. Bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan) melalui lonjakan Pembelajaran dalam Talian Global yang kesembilan, pembangunan Kursus dalam Talian Terbuka Secara Besar-besaran (MOOC) telah dibina (Mohd Erfy Ismail, Pipit Utami, Irwan Mahazir Ismail, Norhasyimah Hamzah, & Hairuddin Harun, 2018). Teknologi pendidikan seperti ini membuka peluang dan platform baru bagi memperkasakan pembelajaran, mengubah bentuk penyampaian ilmu dan meningkatkan kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahkan turut mengubah ekosistem pendidikan di Malaysia (Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak, 2020). Penggunaan teknologi sememangnya memberi implikasi baru yang lebih efektif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) sekaligus akan menyumbang kepada kelancaran dalam Pendidikan (Norazah Mohd. Nordin & Hong, 2009).

Penilaian alternatif yang juga dikenali sebagai penilaian sah dan komprehensif, merangkumi pelbagai penilaian yang digunakan untuk mengukur keupayaan dan kemahiran pelajar dalam menjalankan tugas-tugas yang kompleks yang berkaitan dengan hasil pembelajaran yang dimaksudkan (Farrah Dina Yusop, 2018). Beberapa contoh penilaian alternatif ialah portfolio pelajar, kerja projek, pembelajaran berasaskan masalah, peranan permainan, jurnal, aktiviti penulisan dan aktiviti lain yang melibatkan penggunaan rubrik untuk menilai kerja pelajar (Yusof, 2017). Oleh itu, penilaian alternatif adalah jenis penilaian yang berorientasikan proses yang memberi tumpuan kepada kemajuan dan pertumbuhan pelajar dalam tempoh tertentu (Farrah Dina Yusop, 2018). Berdasarkan daripada kajian ini, penilaian alternatif amat penting dilaksanakan di dalam platform dalam talian kerana penilaian ini dapat membantu pelajar memahami sesuatu kursus yang dipelajari dengan mudah disamping dapat membantu pelajar menjana idea mereka sendiri hasil daripada membuat aktiviti dan tugas yang diberikan (Yusof & Aziz, 2010). Selain itu, aktiviti dan bahan belajar dapat dipelbagaikan serta dapat mengelakkan pelajar daripada berasa bosan. Oleh hal yang demikian, prestasi dan pencapaian pelajar dapat ditingkatkan.

## 2.0 Metodologi

Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti bentuk penilaian alternatif dalam talian bagi kursus-kursus *Massive Open Online Course* (MOOC) Universiti Awam (UA) yang berdaftar di MOOC Malaysia. Justeru itu, pengkaji menekankan penggunaan kaedah kualitatif melalui penelitian dokumen yang terdiri daripada sumber sekunder bagi mengumpul maklumat dan data berkaitan. Maklumat dan data yang diperolehi dikumpul daripada sumber rujukan menggunakan laman sesawang. Pengkaji telah mengikuti kursus-kursus di dalam platform *OpenLearning* itu sendiri bagi mendapatkan maklumat berkaitan jenis penilaian alternatif yang digunakan di dalam universiti-universiti yang dipilih. Kriteria pemilihan kursus yang dipilih adalah berdasarkan daripada kursus berasaskan studio. Pengkaji telah menyertai kursus-kursus terbuka yang berasaskan studio daripada platform *OpenLearning* setiap universiti tersebut bagi mendapatkan jenis penilaian alternatif yang digunakan.




Kursus berasaskan studio merupakan kursus-kursus yang dipelajari di dalam studio dimana pelajar secara individu atau berkumpulan akan diberikan tugas serta perlu dihantar untuk semakan pensyarah atau akan diberi maklum balas oleh pelajar lain dan perlu membuat penambahbaikan ("Studio-Based Courses Online Learning," 2013). Selain itu, terdapat tiga jenis kategori Universiti di Malaysia iaitu yang terdiri daripada Universiti Penyelidikan, Universiti Berfokus dan Universiti Komprehensif. Sebanyak sembilan buah universiti awam (UA) yang terlibat secara keseluruhan bagi menyasat jenis penilaian alternatif yang digunakan bagi setiap kursus yang dipilih.

Daripada tiga jenis kategori universiti tersebut terdapat tiga buah universiti awam (UA) yang dipilih serta pengkaji akan mengikuti beberapa kursus yang berasaskan studio di dalam setiap universiti yang dipilih untuk mendapatkan maklumat. Hal ini demikian kerana pengkaji ingin mengetahui kapabiliti sesebuah universiti tersebut melaksanakan penilaian alternatif menggunakan platform *OpenLearning* berdasarkan daripada kategori jenis universiti serta untuk menyasat kriteria-kriteria penilaian yang diaplikasikan dalam kursus yang telah dibangunkan. Hal ini bagi mengenal pasti bentuk penilaian alternatif dalam talian yang digunakan di dalam kursus-kursus MOOC yang berdaftar di MOOC Malaysia.

Selain itu, pengkaji mengesahkan kecekapan dan keberkesanan reka bentuk model yang dibangunkan melalui penilaian pakar selepas siap dihasilkan. Seramai empat orang pakar yang terlibat. Mereka adalah daripada bidang Multimedia, Senibina, Kesihatan Haiwan Akuatik dan Entomologi. Kesemua pakar yang terlibat pernah menggunakan platform *OpenLearning* semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar berlangsung serta dua daripada pakar tersebut membangunkan sendiri platform *OpenLearning*.

Di samping itu, pengkaji juga merujuk kepada beberapa laman sesawang, artikel, jurnal dan bahan rujukan yang lain bagi tujuan mengenal pasti kategori-kategori universiti awam (UA) yang terdapat di Malaysia disamping mendapatkan maklumat mengenai penilaian alternatif yang dikaji. Rajah 1 menunjukkan proses-proses yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan data mengenai penilaian alternatif daripada platform *OpenLearning* (MOOC) setiap universiti tersebut.





**Rajah 1:** Proses Pengumpulan Data dalam Platform MOOC

(Sumber: (John W. Creswell & J. David Creswell, 2018))

### 3.0 Keputusan dan Perbincangan

Jadual ini melibatkan maklumat dan data yang dikumpul daripada tiga jenis kategori Universiti di Malaysia iaitu yang terdiri daripada Universiti Penyelidikan, Universiti Berfokus dan Universiti Komprehensif. Pengkaji telah memilih tiga Universiti Awam (UA) daripada setiap kategori tersebut bagi menyiasat penilaian alternatif yang digunakan bagi kursus-kursus yang berdaftar di MOOC Malaysia. Jadual 1 dibawah merupakan universiti-universiti awam yang telah dipilih oleh pengkaji berdasarkan daripada tiga jenis kategori Universiti Awam (UA) yang terdapat di Malaysia. Melalui universiti tersebut, tiga kursus berasaskan studio yang berdaftar di bawah MOOC telah dipilih untuk mengenal pasti bentuk-bentuk penilaian alternatif yang digunakan.



Namun, berdasarkan daripada Jadual 2 terdapat beberapa universiti yang hanya menawarkan dua kursus berasaskan studio di dalam platform *OpenLearning* tersebut.

**Jadual 1:** Universiti Awam (UA) yang dipilih

(Sumber: *(Ministry of Higher Education, 2021)*)

No.	Universiti Penyelidikan	Universiti Berfokus	Universiti Komprehensif
1.	Universiti 01	Universiti 01	Universiti 01
2.	Universiti 02	Universiti 02	Universiti 02
3.	Universiti 03	Universiti 03	Universiti 03

**Jadual 2:** Bentuk Penilaian Alternatif daripada Universiti Awam (UA) Terpilih

(Sumber: *Massive Open Online Course (MOOC)(N.A, 2021)*)

JENIS UNIVERSITI	UNIVERSITI/PERKARA		
<b>Universiti Penyelidikan</b>	<b>Universiti 01</b> <b>1. Kursus 1</b> Penilaian Alternatif -Kajian kes -Video pembelajaran -Penilaian rakan sebaya -Penilaian pengajar  <b>2. Kursus 2</b> Penilaian Alternatif -Kuiz -Teka-teki -Video pembelajaran  <b>3. Kursus 3</b> Penilaian Alternatif -Tugasan  <b>4. Kursus 4</b> Penilaian	<b>Universiti 02</b> <b>1. Kursus 1</b> Penilaian Alternatif -Tugasan  <b>2. Kursus 2</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Kuiz  <b>3. Kursus 3</b> Penilaian Alternatif -Teka-teki Silang Kata -Kuiz -Video pembelajaran	<b>Universiti 03</b> <b>1. Kursus 1</b> Penilaian Alternatif -Kuiz -Forum -Teka-teki Silang Kata -Video pembelajaran -Ujian -Aktiviti  <b>2. Kursus 2</b> Penilaian Alternatif -Aktiviti -Video pembelajaran -Ujian  <b>3. Kursus 3</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Forum



	<p>Alternatif -Video pembelajaran -Kuiz</p>		<p>-Kuiz -Aktiviti -Kuliah video -Projek Berkumpulan</p>
<p><b>Universiti Berfokus</b></p>	<p><b>Universiti 01</b></p> <p><b>1. Kursus 1</b> Penilaian Alternatif -Aktiviti -Video pembelajaran -Kuiz</p> <p><b>2. Kursus 2</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Aktiviti -Kuiz</p>	<p><b>Universiti 02</b></p> <p><b>1. Kursus 1</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Kuiz -Kuliah video -Teka-teki Silang Kata -Aktiviti</p> <p><b>2. Kursus 2</b> Penilaian Alternatif -Kuliah video -Aktiviti -Kuiz -Teka-teki Silang Kata -Kajian kes</p>	<p><b>Universiti 03</b></p> <p><b>1. Kursus 1</b> Penilaian Alternatif -Peta Minda -Infografik -Latihan -Video pembelajaran -Penilaian Berterusan -Aktiviti -Kuliah video -Rujukan</p> <p><b>2. Kursus 2</b> Penilaian Alternatif -Aktiviti -Video Pembelajaran -Teka-teki Silang Kata -Infografik -Penilaian Berterusan -Poster -Kuiz -Rujukan</p> <p><b>3. Kursus 3</b> Penilaian Alternatif -Aktiviti -Latihan -Penilaian Berterusan -Infografik -Kuiz -Perbincangan</p>



			Berkumpulan -Teka-teki Silang Kata -Video Pembelajaran -Kuliah Video -Rujukan
<b>Universiti Komprehensif</b>	<b>Universiti 01</b>  <b>1. Kursus 1</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Kuiz  <b>2. Kursus 2</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Kuiz -Teka-teki -Aktiviti -Perbincangan  <b>3. Kursus 3</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Tugasan  <b>4. Kursus 4</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Kuiz	<b>Universiti 02</b>  <b>1. Kursus 1</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Penilaian -Audio  <b>2. Kursus 2</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Kuiz -Aktiviti  <b>3. Kursus 3</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Kuiz -Latihan	<b>Universiti 03</b>  <b>1. Kursus 1</b> Penilaian Alternatif -Teka-teki Silang Kata -Video pembelajaran -Aktiviti -Kuiz  <b>2. Kursus 2</b> Penilaian Alternatif -Video pembelajaran -Kuiz -Forum

Jadual 2 adalah bentuk penilaian alternatif yang telah dibuat oleh penyelidik berdasarkan kajian terhadap platform *OpenLearning* melalui universiti-universiti ini. Berdasarkan jadual diatas, terdapat pelbagai bahan pembelajaran yang telah disediakan di dalam platform *OpenLearning* bagi setiap kursus yang ditawarkan dibawah MOOC di sesebuah Universiti. Pemilihan kursus-kursus yang dibuat oleh pengkaji diatas adalah berdasarkan daripada kursus berasaskan studio






yang ditawarkan di setiap universiti tersebut. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa buah Universiti yang kurang menggunakan penilaian alternatif di dalam sesuatu kursus. Penilaian alternatif sangat penting bagi pelajar untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara berkesan dengan menggunakan platform *OpenLearning*. Seseengah universiti masih kurang mempraktikkan pelaksanaan penilaian alternatif dalam konteks penilaian berterusan iaitu dengan mempelbagaikan jenis bahan pembelajaran yang efektif untuk pembelajaran secara dalam talian. Pelaksanaan penilaian berterusan merupakan suatu kaedah yang boleh dilaksanakan kepada pelajar menggunakan platform *OpenLearning*. Misalnya, pensyarah boleh menyediakan penilaian berterusan bagi setiap modul yang dilaksanakan bagi setiap topik yang akan dipelajari oleh pelajar dalam sesuatu kursus.

Pelbagai aktiviti dan latihan boleh dijalankan dalam sesuatu kursus. Setiap penilaian di dalam modul tersebut perlulah saling berkait diantara penilaian modul yang lain bagi memenuhi keperluan penilaian secara berterusan. Penilaian berterusan merupakan sebahagian daripada teori penilaian formatif yang memberikan maklum balas dan maklumat semasa proses pengajaran sedang berlangsung. Penilaian seperti ini menjadi penilaian formatif apabila bukti sebenarnya digunakan untuk menyesuaikan pengajaran bagi memenuhi keperluan pelajar (Quyén & Ahmad Zamri Khairani, 2017). Tumpuan utama penilaian formatif adalah untuk mengenal pasti bidang yang mungkin memerlukan penambahbaikan. Penilaian ini biasanya tidak digredkan dan bertindak sebagai kayu ukur kepada kemajuan pembelajaran pelajar serta menentukan keberkesanan pengajaran melalui pelaksanaan kaedah dan aktiviti yang sesuai (Faculty Development and Instructional Design Center).

### 3.1 Rekabentuk Model Penilaian Alternatif

Rajah 2 merupakan reka bentuk model dan pembangunan pelaksanaan penilaian alternatif *Massive Open Online Course* (MOOC) bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Elektif Pengajian Skrin di Universiti Malaysia Kelantan yang mengambil kursus Skrip dan Papan Cerita. Platform *OpenLearning* digunakan bagi menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Melalui model reka bentuk ini, terdapat enam modul berkaitan kursus ini telah disediakan kepada para pelajar sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk dilengkapkan oleh pelajar bagi membolehkan mereka memahami sesuatu topik berkaitan kursus yang ditawarkan. Modul satu sehingga modul lima mengandungi empat elemen strategi penilaian alternatif MOOC yang disediakan untuk membantu pelajar dalam proses PdP mereka iaitu terdiri daripada aktiviti, latihan, penilaian dan rujukan. Setiap elemen tersebut mempunyai fungsi yang berbeza yang akan digunakan oleh para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung. Aktiviti merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam setiap kursus atau modul yang menyediakan hasil pembelajarannya (lo) yang tersendiri. Latihan pula tertumpu kepada penilaian formatif iaitu memantau pelajar dan memberikan maklum balas berterusan yang boleh digunakan oleh tenaga pengajar untuk memperbaiki kaedah pengajaran mereka juga membantu pelajar untuk mempunyai pembelajaran yang berkesan. Selain itu, melalui latihan boleh membantu pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka terhadap kursus yang mereka pelajari.





**Rajah 2:** Rekabentuk Model Penilaian Alternatif MOOC di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Penilaian adalah kaedah untuk pelajar menilai dan mengukur prestasi mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui platform dalam talian berdasarkan peringkat modul. Penilaian jenis ini membantu pelajar mencapai tahap penguasaan



maksimum mereka dan mengetahui cara berfikir di luar lingkungan mereka. Akhir sekali, rujukan adalah pusat sehati yang meletakkan semua maklumat yang digunakan oleh para pelajar untuk melengkapkan semua modul dan tugas yang diberikan. Para pelajar dapat berkongsi dan bertukar idea melalui rujukan rakan-rakan mereka. Modul enam pula adalah melibatkan tugas secara berkumpulan iaitu pelajar akan membentuk tiga orang ahli bagi setiap kumpulan. Mereka akan menghasilkan sebuah animatik berdasarkan daripada penghasilan papan cerita yang telah dihasilkan oleh mereka semasa membuat penilaian di modul lima. Mereka perlu memilih papan cerita yang terbaik dalam kalangan ahli kumpulan mereka untuk menghasilkan sebuah animatik yang menarik.

Tambahan lagi, melalui modul tersebut pensyarah boleh menyediakan pelbagai jenis aktiviti dan bahan pembelajaran yang sesuai seperti aktiviti menghasilkan peta minda dan infografik berdasarkan pemahaman pelajar, latihan yang berkaitan kursus serta kuiz dan pelaksanaan video pembelajaran. Selain itu, penilaian secara berterusan juga dijalankan terhadap setiap pelajar yang mengambil kursus tersebut. Setiap penilaian yang disediakan di dalam modul ini adalah saling berkait diantara setiap modul. Penilaian berterusan ini merupakan penilaian yang dijalankan secara individu kepada para pelajar. Selain itu, penilaian berterusan juga merupakan pendekatan untuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dapat mewujudkan maklum balas sebelum digunakan untuk meningkatkan prestasi pelajar. Justeru itu, penilaian berterusan dapat membantu pelajar mencapai tahap penguasaan maksimum dan mengetahui cara bagaimana untuk berfikir di luar lingkungan mereka. Hal ini akan membantu pelajar untuk berfikir secara aktif tentang apa yang mereka akan capai dan bagaimana mereka akan mencapainya bagi kursus tersebut.

### 3.2 Bagaimana reka bentuk model yang dibangunkan dapat meningkatkan kognitif, psikomotor pelajar dan domain afektif?

Kognitif	Kognisi adalah istilah yang merujuk kepada proses mental yang terlibat dalam memperoleh pengetahuan dan pengalaman (Cherry, 2020). Proses kognitif ini merangkumi mengingati, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Berdasarkan daripada kajian ini, pelajar akan diberikan aktiviti dan kuiz mengenai sesuatu topik yang dipelajari untuk mengukur tahap pemahaman dan pengetahuan mereka.
Psikomotor	Psikomotor merangkumi pergerakan fizikal, koordinasi, dan penggunaan bidang kemahiran motor. Pengembangan kemahiran ini memerlukan latihan dan diukur antara kelajuan, ketepatan, jarak, prosedur atau teknik dalam pelaksanaan (Begam & Tholappan, 2018). Berdasarkan daripada kajian ini, kita akan dapat melihat bagaimana pelajar dapat mengembangkan kemahiran teknikal mereka apabila pelajar diberikan tugas untuk menghasilkan sebuah skrip dan



	papan cerita melalui kursus yang dipelajari. Pelajar akan menggunakan kemahiran teknikal seperti melukis, mencipta karakter untuk menghasilkan sebuah papan cerita yang menarik.
Afektif	Domain afektif melibatkan perasaan, emosi dan sikap kita, serta merangkumi cara kita menangani sesuatu secara emosional (perasaan, nilai, penghargaan, semangat, motivasi, dan sikap) (Patson, 2020). Proses afektif ini dikategorikan kepada lima peringkat iaitu menerima fenomena, bertindak balas terhadap fenomena, menilai, organisasi dan menghayati nilai (Wu, Kao, Wu, & Wei, 2019). Melalui kajian ini, pelajar akan diukur melalui kemahiran insaniah mereka serta bagaimana mereka bekerja di dalam suatu kumpulan. Pelajar akan diberikan tugas secara berkumpulan dimana mereka perlu membangunkan sebuah animatik berdasarkan daripada papan cerita yang telah dihasilkan. Proses di bahagian ini akan memerlukan pelajar untuk menggunakan kemahiran berkomunikasi, kerjasama di dalam satu pasukan dan memerlukan pelajar untuk mempunyai kemahiran dalam membangunkan animatik menggunakan alatan dan perisian yang sesuai seperti toonboom dan sebagainya.

#### 4.0 Kesimpulan

Kajian ini membantu menghasilkan platform MOOC yang berkualiti dengan pelbagai jenis bahan pembelajaran yang menarik serta mudah untuk dipelajari oleh pelajar. Hal ini demikian kerana pelaksanaan penilaian alternatif akan memberi kesan positif kepada pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya apabila belajar menggunakan platform dalam talian. Pelajar dapat menjana idea mereka sendiri untuk menyelesaikan tugas dan latihan yang disediakan di dalam platform MOOC. Minat dan semangat dapat ditingkatkan dengan menjalankan pelbagai jenis aktiviti-aktiviti menarik yang disediakan di dalam platform MOOC. Pensyarah khususnya perlu sentiasa bersikap inovatif dan kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk mempertingkatkan kemahiran profesionalisme pengajaran mereka. Secara amnya, untuk menjayakan pembelajaran secara dalam talian, semua pihak yang terlibat secara langsung seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, pentadbiran universiti dan pensyarah mahupun yang terlibat secara tidak langsung seperti pihak ibu bapa haruslah bekerjasama dan berusaha untuk mengatasi halangan-halangan yang timbul dalam usaha-usaha untuk menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar menggunakan platform di dalam talian.

#### 5.0 Penghargaan

Alhamdulillah, ucapan terima kasih yang tulus ditujukan kepada penyelia, pensyarah dan rakan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan atas sokongan dan penglibatan dalam kajian ini.



Disamping itu, sokongan dan bantuan daripada keluarga tercinta sangat berharga dan memberi inspirasi. Saya sangat berterima kasih atas sokongan, bimbingan dan nasihat yang diberikan. Terima kasih juga kepada mereka yang menyumbang kepada penyelidikan ini secara langsung atau tidak langsung. Tajaan Geran *Rising Star* bernombor R/STA/A0200/00165A/003/2020/00780.

## Rujukan

- Begam, A. A. A., & Tholappan, D. A. (2018). Psychomotor Domain of Bloom's Taxonomy in Teacher Education. *International Journal of Educational*, 6(3), 11-14. doi:<https://doi.org/10.5281/zenodo.1299766>
- Cherry, K. (2020). What Is Cognition? Retrieved from <https://www.verywellmind.com/what-is-cognition-2794982>
- Faculty Development and Instructional Design Center. Formative and Summative Assessment. 1-4. doi:815.753.0595
- Farrah Dina Yusop. (2018). *Redesigning Assessment For Holistic Learning: A Quick Guide For Higher Education* (Fauza Ab Ghaffar & Farrah Dina Yusop Eds. first ed.). University of Malaya: Academic Enhancement and Leadership Development Centre (ADeC), University of Malaya and Ministry of Education.
- John W. Creswell, & J. David Creswell. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (5 ed.).
- Ministry of Higher Education. (2021, 3 June 2021). Kategori Universiti Awam. Retrieved from <https://www.mohe.gov.my/en/institutions/public-university/kategori-ua>
- Mohd Erfy Ismail, Pipit Utami, Irwan Mahazir Ismail, Norhasyimah Hamzah, & Hairuddin Harun. (2018). Development of Massive Open Online Course (Mooc) Based on Addie Model for Catering Courses. *Jurnal Pendidikan Vokasi*, 8(2), 184-192.
- N.A. (2021). Malaysia MOOCs – OpenLearning – Malaysia's National MOOC Platform for Higher Education and Public Universities. Retrieved from <https://www.openlearning.com/malysiamoocs/>
- Norazah Mohd. Nordin, & Hong, N. C. (2009). Pembangunan dan Penilaian Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Web – Webquest bagi Mata Pelajaran ICT (Development and Evaluation of Webquest for Information and Communication Technology Subject). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(34), 111-129.
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2020). Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 10(1), 77-94.
- Patson, N. D. (2020). Getting Students to Discuss by Channeling the Affective Domain. Retrieved from <https://www.facultyfocus.com/articles/teaching-and-learning/getting-students-to-discuss-by-channeling-the-affective-domain/>
- Quyen, N. T. D., & Ahmad Zamri Khairani. (2017). Reviewing the Challenges of Implementing Formative Assessment in Asia: The Need for a Professional Development Program. *Journal of Social Science Studies*, 4(1), 160-177. doi:10.5296/jsss.v4i1.9728



- Studio-Based Courses Online Learning. (2013). Retrieved from [https://en.wikiversity.org/wiki/Studio-Based\\_Courses\\_Online\\_Learning](https://en.wikiversity.org/wiki/Studio-Based_Courses_Online_Learning)
- Wu, W.-H., Kao, H.-Y., Wu, S.-H., & Wei, C.-W. (2019). Development and Evaluation of Affective Domain Using Student's Feedback in Entrepreneurial Massive Open Online Courses. *Frontiers in Psychology, 10*, 1-9. doi:<https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.01109>
- Yusof, A. M. (2017). *The Assessment of E-Project-based Learning in Developing Skill-based Courses for Massive Online Open Course: "MOOC in MOOC" Technique*. Paper presented at the Redesigning Assessment and Holistic Learning (RAHoLE) Conference 2017, Petaling Jaya.
- Yusof, A. M., & Aziz, K. A. (2010). *Creative Industries In Education: The Creativity Of Teaching Method Using Animation*. Paper presented at the ICERI 2010: International Conference of Education, Research and Innovation, Madrid, Spain.

